

Bekalan ikan dijangka berkurangan

Rakyat tak perlu bimbang, LKIM siap sedia hadapi musim tengkujuh

Oleh Baharom Bakar dan Nor Amalina Alias
bhnews@bh.com.my

Kuala Terengganu: Bekalan ikan di negeri ini dijangka berkurangan mulai Disember hingga Mac depan kerana tidak ramai nelayan turun ke laut pada musim tengkujuh.

Tinjauan ke Pasar Cabang Tiga, di sini, mendapati ada kenaikan di antara RM5 dan RM10 ikan serta hasil laut lain.

Peniaga ikan, Abdul Rahman Ishak, 56, berkata ikan segar atau lebih dikenali dengan panggilan ikan pukat jerut masih mendapat sambutan pengguna, walaupun harganya lebih tinggi.

Katanya, ada perbezaan kualiti di antara ikan kotak (beku) dengan ikan pukat jerut, tetapi pengguna masih memilih ikan pukat jerut kerana kesegarannya.

Beliau berkata, ikan pukat jerut segar menjadi pilihan kerana didararkan pada sebelah pagi, berbanding ikan kotak.

"Bekalan ikan pukat jerut belum terjejas kerana masih ada nelayan turun ke laut," katanya di sini, semalam.

Masih jadi pilihan

Abdul Rahman berkata, ikan pukat jerut yang dibekalkan secara terus nelayan tempatan kepada peniaga lebih mahal, jika dibandingkan dengan ikan kotak.

Sebagai contoh, katanya, ikan selayang pukat jerut dijual di antara RM15 dan RM18 sekilogram (kg) berbanding ikan kotak di antara RM8 dan RM12 sekilogram.

Seorang pelanggan, Wan Abdullah Wan Ishak, 59, dari Kampung Wakaf Mempelam, berkata kenaikan harga ikan dan hidupan laut, walaupun membebankan namun masih munasabah berbanding ayam.

"Walaupun ikan dan makanan laut itu ada kenaikan harga, tetapi tetap menjadi pilihan ahli keluarga berbanding ayam serta daging," katanya.

Sementara itu, di Pasir Puteh, Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, Da-

BH 9/4/2022 MS: 23



Wan Abdullah memilih ikan segar di Pasar Cabang Tiga, Kuala Terengganu, semalam.

(Foto Baharom Bakar/BH)

tuk Dr Nik Muhammad Zawawi Salleh memberi jaminan bekalan ikan ketika musim tengkujuh cukup.

Beliau berkata, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) sudah menyediakan bekalan secukupnya, susulan ramalan

hujan berterusan hujung tahun ini.

Katanya, negara juga akan mengimport ikan bagi memastikan bekalan sentiasa ada.

"Kita juga mempersiap bekalan makanan asas lain seperti ayam, telur, daging. Ada beka-

lan dibuat kerajaan. Rakyat tak perlu bimbang.

"Biasanya banjir akan melanda dalam seminggu atau paling cepat dua hari. Selepas itu dah surut balik. Jadi, kerajaan dah siapkan bekalan makanan ini," katanya.